

Personaliti bukan setakat gaya berpakaian



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton mohamad@yahoo.com

UB 29 5 · 2013 B4

RAMAI di kalangan kita yang sering mendengar perkataan personaliti dalam kehidupan sehari-hari. Malah ada yang terang-terangan mengutuk personaliti orang lain dan menganggap tidak mempunyai personaliti.

Personaliti merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian dalam kehidupan sehari-hari apatah lagi bagi golongan yang bekerjaya. Bagi seorang yang bergelar artis mereka amat menitik beratkan penampilan apabila berhadapan dengan masyarakat. Namun adakah personaliti itu sekadar penampilan diri dan gaya berpakaian sahaja?

Menurut Sigelman dan Shaffer (1995) personaliti didefinisikan sebagai satu gabungan sikap individu seperti nilai, motif dan pelbagai watak yang agak unik terdapat pada seseorang itu. Manakala menurut Nik Azis Nik Pa (1995), perkataan personaliti merupakan perkataan yang berasal dari perkataan Latin iaitu personalis yang bermaksud idehtiti peribadi, keindividuan atau kualiti yang membentuk seseorang itu.

Justeru itu daripada maksud yang diberikan ia merupakan gambaran sifat-sifat keperibadian seseorang individu yang boleh membezakannya daripada orang lain. Lantaran itu sifat keperibadian termasuklah gaya hidup, harapan, kepercayaan, motif, nilai, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, sikap,

tabiat dan watak seseorang. Menurut kajian yang dilakukan oleh pakar Psikologi personaliti terdapat tiga ciri utama personaliti manusia iaitu keunikan kerana tidak ada dua orang yang mempunyai personaliti yang serupa; kebolehsuaian kerana personaliti manusia boleh diubah dan juga personaliti organisasi yang bukan sekadar himpunan tingkah laku tetapi ia membabitkan tindakan dan operasi yang bersepada.

Justeru itu personaliti manusia bukanlah sekadar menonjolkan fesyen berpakaian namun ia meliputi keseluruhan keperibadian dari sudut tingkah laku, emosi dan juga intelek seseorang. Secara prinsipnya bukan suatu perkara yang mudah untuk seseorang berubah ataupun menyesuaikan diri dengan sesuatu situasi semasa. Sekiranya tidak mempunyai

baharu dalam hidup mereka. Ini disebabkan penyesuaian diri perlu melibatkan perubahan personaliti. Sebagai contohnya seorang remaja yang berasal dari kampung dan mendapat pekerjaan di sebuah kotaraya yang besar, sudah tentu memerlukan perubahan personaliti untuk memberikan keyakinan diri dan sesuai dengan tugasannya di pejabat. Malah dalam pada masa yang sama juga ia akan mengalami pertentangan antara nilai, gaya hidup, tabiat dan sebagainya. Keadaan ini akan memberikan implikasi yang besar kepada emosi kerana berlakunya pertentangan antara nilai tradisional di kampung dengan di kota. Justeru itu personaliti perlu ada kematangan dengan adanya kebolehsuaian mengikut kepada situasi semasa. Sekiranya tidak mempunyai

kematangan dalam personaliti maka akan berlaku kejutan budaya yang secara totalnya lebih memberikan implikasi yang negatif kepada kehidupannya. Oleh sebab itu apabila kita menyelusuri kehidupan remaja yang berasal dari kampung dan berhijrah ke kota besar, ramai yang di kalangan mereka telah mengalami kerosakan akhlak, akidah dan memberikan masalah kepada sosial negara. Keadaan tersebut menunjukkan mereka tidak matang dari sudut personaliti kerana nilai yang asalnya dipegang telah diresapi secara menyeluruh demi mengikut dorongan nafsu semata-mata. Di samping itu tidak adanya kekuatan akidah yang teguh kepada Allah sehingga mudah leka dan hanyut dengan keseronokan yang baru diperolehi. Justeru

itu setiap orang perlu berusaha ke arah kebaikan diri dan ditonjolkan melalui kematangan personaliti. Malah pakar psikologi juga menggalakkan setiap individu berusaha untuk mencapai kesedaran kendiri demi kecermerlangan diri dan masyarakat. Berusaha merupakan satu perkara yang tidak mempunyai titik noktah, dan berusaha untuk memperbaiki diri adalah perkara yang berpanjangan sehingga nafas tidak lagi memenuhi paru-paru, apabila jasad dan roh berkecaci; dan apabila kita beralih dari alam dunia ke alam barzakh. Lantaran itu berusahalah untuk menjadi seseorang yang berguna kepada agama, diri, masyarakat dan menjaga perpaduan di dalam negara.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS